

14 SEP 2003

Jamaluddin-pemaju

KEMENTERIAN KEWANGAN BINCANG ISU PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH DENGAN REDHA

PETALING JAYA, 14 Sept (Bernama) -- Kementerian Kewangan akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Hartanah dan Pemaju Perumahan (REDHA) berikutan keputusan kerajaan memberi pemaju perumahan pilihan dalam melaksanakan projek perumahan kos rendah, kata Menteri Kewangan kedua, Datuk Jamaluddin Jarjis.

Beliau berkata ini terutamanya apabila pemaju diberikan pilihan melaksanakan sendiri pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30 peratus atau menyerahkan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPN) untuk dilaksanakan dengan pemaju perlu membayar caruman sebagai timbal balas.

"Kementerian Kewangan akan berbincang dengan REDHA untuk mencari satu penyelesaian bersama," katanya kepada pemberita semasa sesi taklimat mengenai projek perumahan kos rendah di bawah SPN di sini.

Beliau mengulas mengenai pengumuman dalam Bajet 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa syarikat pemaju perumahan swasta akan diberikan pilihan sama ada melaksanakan pembinaan rumah kos rendah 30 peratus atau diserahkan kepada SPN.

Walaupun langkah itu dapat meringankan beban pemaju perumahan, beberapa syarikat pemaju dikatakan tidak begitu bersetuju dengan syarat menghendaki mereka membuat caruman sebagai timbal-balas sekiranya projek perumahan kos rendah itu diambil-alih SPN.

Jamaluddin berkata kementerian memahami situasi di mana kebanyakan pemaju perumahan swasta hanya akan memulakan sesuatu projek perumahan kos rendah apabila mereka melaksanakan projek perumahan yang lain.

Ini memandangkan pemaju perlu memastikan projek mereka dapat dijual dan memperolehi pembayarannya sebelum dapat meneruskan projek perumahan kos rendah seperti mana yang disyaratkan.

"Ini kerana pemaju perumahan terpaksa membeli tanah dengan harga yang tinggi serta membayar premium yang tinggi kerana sesuatu projek perumahan dibuat di kawasan yang mempunyai 'market value'," katanya.

Selain itu, beliau berkata adalah sukar untuk memastikan pemaju perumahan melaksanakan projek perumahan kos rendah yang lengkap dengan kemudahan asas serta riadah di kawasan yang mempunyai nilai hartanah yang tinggi.

"Jadi apabila diambil oleh kerajaan, kita akan dapat melaksanakan projek perumahan kos rendah lengkap dengan kemudahan asas dan riadah untuk menjadikannya ia lebih selesa untuk didiami," katanya.

Beliau berkata ini seperti mana projek contoh yang berasaskan konsep baru yang akan dijadikan satu "show case" di atas tanah seluas 1,000 ekar, milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Lembah Klang.

Sebanyak 10,000 unit rumah mampu milik yang akan dilengkapi kemudahan pengangkutan awam, pusat ibadah, kemudahan komersial, pusat membeli-belah, kedai runcit, kemudahan riadah termasuk taman, padang permainan dan dewan orang ramai akan dimulakan pembinaannya menjelang penghujung tahun ini.

"Kita bercadang untuk wujudkan dua sehingga tiga kategori rumah mampu milik ini, termasuk bentuk townhouse, flat dan single story house," katanya.

Beliau juga berkata satu perbincangan akan diadakan tidak lama lagi dengan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamad Khir Toyo mengenai projek perumahan mampu milik itu.

"Saya sendiri akan berjumpa dengan Menteri Besar kerana perkara berkaitan dengan tanah adalah terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri,"

katanya.
-- BERNAMA
AT AZZ AZH